

## POLA PERBELANJAAN DAN FAKTOR YANG MEMPENGARUHINYA: SATU TINJAUAN AWAL

Nur Jannah Bukhari,  
Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)  
E-mail: [jannahbukhari@usim.edu.my](mailto:jannahbukhari@usim.edu.my)

Siti Nor Azhani Mohd Tohar  
Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)  
E-mail: [azhanitohar@usim.edu.my](mailto:azhanitohar@usim.edu.my)

### ABSTRAK

Untuk memenuhi keperluan harian, terdapat pelbagai perbelanjaan yang perlu diberi perhatian agar perbelanjaan tersebut mampu dipenuhi. Namun demikian, terdapat beberapa perkara yang perlu dipertimbangkan sebelum meneruskan proses perbelanjaan. Bagi masyarakat Melayu yang berpegang kepada nilai norma tradisional, setiap perbelanjaan yang dilakukan amat berkait rapat dengan masyarakat di sekitarnya, baik keluarga mahupun komuniti masyarakat. Sehubungan itu, faktor budaya dan sosial dijangka akan mempengaruhi pola perbelanjaan tersebut. Untuk mengenalpasti konstruk bagi mengukur kedua-dua faktor iaitu budaya dan sosial, perbincangan kumpulan berfokus bersama 15 orang informan dilaksanakan untuk mendapatkan input berkenaan isu perbelanjaan di bandar. Informan yang terlibat memiliki kriteria-kriteria iaitu menetap dan bekerja di bandar, golongan belia yang berumur antara 20-39 tahun, dan kaum Melayu. Hasil perbincangan kumpulan berfokus yang telah dilaksanakan, terdapat budaya yang telah dibangkitkan iaitu nilai berjimat, mengikuti perkembangan semasa, dan survival. Manakala faktor sosial pula adalah keterlibatan dalam kumpulan rujukan dan juga peranan sosial. Dapatan ini memperlihatkan bahawa sungguhpun pada ketika ini kos sara hidup adalah tinggi namun, keperluan dalam memenuhi budaya dan sosial ketika berbelanja turut mempengaruhi pola perbelanjaan golongan belia khususnya di bandar.

**Kata Kunci :** keperluan, pola perbelanjaan, budaya berbelanja, belia Melayu, bandar

### 1. Pengenalan

Perbelanjaan merupakan hasil daripada aktiviti berbelanja yang dilakukan oleh individu yang berpendapatan, bagi mendapatkan apa yang dikehendakinya sama ada berfungsi sekadar untuk memenuhi keperluan, ataupun kehendak. Secara makro, perbelanjaan membolehkan ekonomi negara untuk berdaya saing. Oleh itu, perbelanjaan yang dilakukan oleh isi rumah merupakan antara salah satu indikator yang diukur dalam menentukan jumlah pendapatan negara. Jika pola perbelanjaan tidak dikawal dan dirancang dengan teliti, ekonomi negara sedikit sebanyak akan terkesan melaluinya. Berbelanja antaranya dirujuk sebagai proses pemilihan barang dan perkhidmatan yang melibatkan aspek sosial, budaya, dan ekonomi (Zukin & Maguire, 2004) yang akhirnya berfungsi untuk memenuhi keperluan peribadi seseorang (Kotler & Armstrong, 2007) di samping menterjemah identiti diri (Chu, Guisheng & Shi, 2015). Bagi Schiffmann dan Kanuk (2007) pula, berbelanja juga merupakan tingkahlaku dalam mencari, menilai, dan menggunakan produk dan perkhidmatan untuk memenuhi keperluan. Walau bagaimanapun, jika seseorang itu kurang berkemampuan, keperluan asas akan diutamakan terlebih dahulu berbanding keperluan bagi perbelanjaan yang lain (Solomon, 1996).

Ketika berbelanja juga, pertimbangan bagi keperluan jenis tampak dan bukan tampak turut akan diberi perhatian. Firat, Kutucuoglu, Arian, dan Tuncel (2013) mempertimbangkan kedua jenis perbelanjaan ini dilakukan untuk memenuhi keperluan-keperluan psikologikal, sosial dan juga budaya. Dengan erti kata yang lain, aktiviti-aktiviti yang melibatkan pengeluaran sebahagian pendapatan untuk memperoleh manfaatnya sama ada dalam bentuk barangan dan perkhidmatan; material dan bukan material; memenuhi keperluan, kehendak, atau kecukupan; sekadar memenuhi keperluan diri sendiri ataupun orang lain juga dianggap sebagai berbelanja.

Namun, kemampuan untuk berbelanja juga amat bergantung kepada tingkat pendapatan. Berdasarkan tingkat pendapatan antara kaum, kaum Melayu dilihat menjadi kaum yang paling terkesan akibat kos sara hidup. Statistik menunjukkan bahawa golongan Melayu kebanyakannya tergolong dalam kumpulan berpendapatan rendah dan pertengahan. Maka, dapat dirumuskan bahawa kuasa membeli dan berbelanja bagi kaum Melayu adalah lebih kecil berbanding kaum lain. Namun demikian, walaupun kaum Melayu mempunyai pendapatan yang lebih rendah, mereka telah menjadi penyumbang utama kepada masalah kewangan hingga menyebabkan kebangkrutan.

Dapatan ini memperlihatkan bahawa, isu perbelanjaan pada masa kini merupakan perkara yang amat penting dan perlu diberi perhatian. Menerusi tinjauan kajian literatur, terdapat beberapa pertimbangan yang perlu diberi perhatian sebelum meneruskan perbelanjaan. Terdahulu, Duesenberry (1949) dengan pendekatan 'Hipotesis Pendapatan Relatif' atau "Relative Income Hipotesis" mengandaikan bahawa ketika berbelanja, terdapat kecenderungan dalam kalangan masyarakat itu sendiri untuk bersaing sesama mereka. Dalam masa yang sama, persaingan itu membantu mereka untuk berusaha dengan lebih keras bagi meningkatkan kualiti hidup. Oleh itu, apabila telah mencapai satu tahap kualiti hidup yang diinginkan, mereka tidak mahu menurunkan tahap kehidupan atau standard yang sedang dan telah dikecapi walaupun pendapatan pada ketika itu mulai menurun.

Situasi ini terjadi akibat daripada keinginan untuk menonjol dalam kumpulan yang dianggotai. Pengaruh atau maruah diri individu dapat dipertingkatkan melalui perbelanjaan ke atas barangan yang memenuhi kehendak. Apabila keadaan ini berterusan, 'status' telah menjadi suatu "pangkat" yang dikejar oleh masyarakat ketika berbelanja. Hal ini disebabkan oleh wujudnya perbandingan mengenai tahap kualiti hidup yang sedang dilalui berbanding individu lain melalui perbelanjaan ke atas barangan dan perkhidmatan yang telah dilakukan. Maka, 'status' ini juga menjadi rujukan dan akan dipertimbangkan ketika membuat keputusan untuk berbelanja, walaupun bagi perbelanjaan pada masa yang akan datang.

Friedman (1957) pula dalam 'Hipotesis Pendapatan Tetap' atau "The Permanent Income Hypothesis" beranggapan bahawa perubahan dalam budaya berbelanja tidak mudah untuk dijangka. Hal ini disebabkan oleh jangkaan setiap individu yang berbeza-beza. Berdasarkan pendekatan ini, individu dilihat akan berbelanja secara konsisten melalui jangkaan purata pendapatan dalam tempoh masa yang panjang. Tahap jangkaan pendapatan bagi tempoh masa yang panjang ini akhirnya menjadi tahap pendapatan "kekal" (level of permanent income) yang membolehkan pengguna berbelanja dengan baik dan selamat.

Manakala bagi Ando dan Modigliani (1963) dalam 'Hipotesis Penyimpanan Mengikut Kitaran Hidup' atau "The Life Cycle Hypothesis of Saving", teori perbelanjaan adalah berdasarkan pertimbangan bahawa wujud hubungan antara kitaran hidup (life-cycle), pendapatan, dan perbelanjaan bagi keperluan isi rumah. Pengkaji ini berpendapat, individu akan merancang perbelanjaan mereka bagi sepanjang hidup terlebih dahulu dengan mengandaikan jumlah pendapatan yang bakal diterima pada masa depan adalah sama.

Bank Negara Malaysia (2013) pula telah melaporkan bahawa secara amnya, setiap isi rumah akan cuba mengekalkan taraf hidup yang stabil bagi mengelakkan berlakunya keterlaluan dan melebihi-lebih ketika berbelanja. Apabila seseorang itu mempunyai pendapatan yang tinggi, mereka akan menambah simpanan yang lebih tinggi untuk sementara waktu, dan kemudian akan mengeluarkannya kembali apabila tahap pendapatan menjadi rendah pada satu tempoh tertentu. Tingkah laku ini dikenali sebagai pelicinan penggunaan (consumption smoothing). Namun demikian, oleh kerana

tahap pendapatan isi rumah dan kemampuan adalah berbeza maka, agak sukar untuk melicinkan perbelanjaan.

Melalui tinjauan kajian literatur yang telah dilaksanakan, didapati bahawa pendapatan sering dijadikan indikator utama yang akan mempengaruhi perbelanjaan. Perhubungan ini seperti yang telah dilaporkan oleh Ishak Shari (1983), Fidlizan Muhammad et al. (2015), dan juga Bank Negara Malaysia (2018). Walau bagaimanapun, terdapat juga sebahagian kecil kajian yang melihat perkaitan hubungan antara faktor sosial dan perbelanjaan (Joyce dan Nga 2011; Maznah Wan Omar dan Zaliha Hj Hussin 2009). Namun demikian, kajian yang melibatkan unsur-unsur budaya dilihat masih tidak mencukupi seperti yang telah dinyatakan oleh Kartini Aboo Talib@Khalid dan Nazrin Zaidi (2017). Selain itu, aspek yang melibatkan perbezaan kawasan demografi turut kurang diberi perhatian.

Bagi jenis perbelanjaan pula, kajian yang dilakukan kebiasaannya dianalisis secara berasingan tanpa melihat perkaitan sebab dan akibat. Kaedah analisis juga terhad kepada kaedah berbentuk deskriptif seperti di dalam kajian yang dilakukan oleh Nor Dina Abdullah, et al. (2008), Naimah et al. (2008), Zuroni Md Jusoh et al. (2008), Jabatan Perangkaan Malaysia (2017), Nor Aini Idris et al. (2018) dan Mohd Aqmin Abdul Wahab et al. (2018). Jenis perbelanjaan yang dikaji juga tertumpu kepada perbelanjaan bersifat material, dan kurang memberikan perhatian terhadap perbelanjaan bukan material dan hubungannya dengan masyarakat.

Himpunan dapatan kajian literatur ini membuktikan, kurangnya pendekatan dari aspek budaya dan sosial apabila mengkaji isu perbelanjaan. Kajian yang menyentuh isu perbelanjaan pula lebih banyak mengaplikasi model dari luar negara seperti Rokeach (1973) melalui Rokeach Value Survey (RVS) yang lebih tertumpu kepada aspek personaliti diri, dan juga Sproles dan Kendall (1986) melalui Consumer Style Inventory (CSI) yang juga menjurus kepada ciri-ciri pengguna. Selain itu, pendekatan Schwartz (1992) yang menggunakan nilai merentasi budaya juga turut banyak diaplikasikan dalam kajian perbelanjaan.

Hal ini memperlihatkan bahawa perlunya kajian yang mengkaji dari aspek budaya dan sosial seperti yang diketengahkan oleh Arnould dan Thompson (2005) melalui "Consumer Culture Theory" (CCT). CCT merupakan pendekatan yang digunakan untuk melihat pilihan-pilihan dan tingkah laku ketika berbelanja dari sudut pandang kebudayaan dan sosial. Menurut Arnould dan Thompson (2005), pendekatan CCT memperlihatkan susunan sosial antara hubungan budaya dan sumber sosial, dan antara makna hidup dan simbol material yang sedang dihadapi. CCT juga merujuk kepada perhubungan antara tingkahlaku manusia, pasaran, dan juga kebudayaan (Arnould & Thompson, 2005). Pendekatan CCT dari aspek kebudayaan dan sosial ini turut disokong oleh Askegaard (2015) yang berpendapat, perbelanjaan hanya boleh difahami melalui lingkungan sosio-budaya masyarakat yang terlibat sahaja. Dengan erti kata yang lain, bidang yang berkaitan dengan CCT telah menambah kajian-kajian dalam sistem pasaran dari perspektif budaya. Selain itu, pendekatan ini turut memberi pencerahan ke atas aktiviti perbelanjaan dalam sistem moden kapitalis yang berkaitan dengan penghasilan, pengagihan dan pertukaran.

Berdasarkan pernyataan-pernyataan yang diketengahkan, jelaslah bahawa aspek budaya dan sosial amatlah penting untuk diambilkira di dalam kajian berkenaan perbelanjaan kerana aspek ini akan mencorakkan perbelanjaan, sesuai dengan latar belakang individu tersebut. Oleh itu, kajian ini bermatlamat untuk mengetengahkan konstruk di dalam aspek budaya dan sosial yang dijangka akan mempengaruhi perbelanjaan.

## 2. Metodologi kajian

Untuk melaksanakan kajian ini, kaedah kuantitatif iaitu kaedah kepustakaan telah digunakan untuk mengumpul kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan isu yang ingin diketengahkan. Artikel-artikel jurnal, akhbar, dan data dari badan-badan kerajaan telah digunakan untuk melihat trend perbelanjaan yang direkodkan. Untuk mencungkil konstruk di dalam aspek budaya dan sosial, kajian ini juga menggunakan kaedah kualitatif iaitu perbincangan kumpulan berfokus. Pemilihan kaedah kualitatif bagi melaksanakan kajian ini membolehkan penyelidik menghasilkan pemahaman terperinci tentang pengalaman diri individu yang ingin dikaji (Bazeley 2007; Munhall 2011). Perbincangan kumpulan berfokus ini dilaksanakan bersama 15 orang informan yang terdiri daripada kumpulan belia berumur di antara 20 hingga 39 tahun; dan bekerja dan menetap di Kuala Lumpur. Senarai kriteria telah disusun dan disahkan oleh setiap informan yang berpotensi dipilih sebelum dikumpulkan untuk memastikan kebolehpercayaan informan.

Semua perbincangan kumpulan berfokus dilaksanakan di kawasan yang mudah diakses untuk memberi dorongan kepada informan dan mencipta persekitaran yang selesa. Setiap sesi dirakam audio dan video untuk membolehkan penyelidik memberi tumpuan kepada respons kumpulan dan tingkah laku bukan lisan, dan untuk ditranskripsi kemudian.

## 3. Perbincangan

Bagi aspek budaya, budaya yang mencakupi kelompok masyarakat yang lebih kecil telah digunakan. Sub-budaya bandar tersebut dipilih berdasarkan faktor geografi; iaitu kawasan bandar, bersesuaian dengan fokus dan matlamat kajian ini yang ingin melihat budaya berbelanja dalam kalangan belia Melayu bandar. Berdasarkan penelitian, kehidupan di bandar membentuk nilai-nilai tersendiri yang mempengaruhi amalan dan kebiasaan ketika berbelanja.

Di bandar, kos sara hidup merupakan faktor utama yang amat diberi perhatian seperti menerusi dapatan kajian yang telah diketengahkan oleh Abdul Rahman Embong (2011), Bank Negara Malaysia (2018), dan Institut Kajian Khazanah (2018). Kos sara hidup yang menekan menyebabkan warga bandar terpaksa berjimat di samping memaksa mereka untuk berhutang. Tidak hanya itu sahaja, bagi menjamin kelangsungan hidup di bandar, nilai survival turut terbentuk.

Perkara ini dapat dilihat melalui dapatan kajian yang menunjukkan peratusan golongan warga bandar yang melakukan pekerjaan sampingan atau lebih masa adalah tinggi (64.7 peratus). Walaupun berdepan dengan tekanan kewangan, masih terdapat warga bandar yang boros berbelanja (Bank Negara & Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) (2017). Di samping itu, nilai mementingkan diri atau individualistik juga akan menonjol (Abdul Rahman Embong, 2011). Menerusi perbincangan kumpulan berfokus yang telah dilakukan, terdapat nilai-nilai sama yang turut dibangkitkan. Nilai-nilai tersebut seperti berikut.

### 3.1 Aspek budaya

#### i. Berjimat

Berdasarkan perbincangan kumpulan berfokus, nilai berjimat telah dibangkitkan. Hal ini demikian kerana, bagi memastikan keperluan dapat dipenuhi ketika menetap di bandar, nilai berjimat merupakan antara komponen yang penting agar perbelanjaan bagi memenuhi keperluan yang pelbagai dapat dipenuhi. Selain itu, juga pembaziran akibat terlebih berbelanja dapat dielakkan.

## ii. Mengikuti Perkembangan Semasa

Selain itu, apabila menetap di bandar, warga bandar tidak dapat mengelakkan diri daripada arus perkembangan semasa, yang melibatkan kebanjiran produk-produk baharu, walaupun ianya sekadar bersifat trend semasa, dan tidak kekal lama. Oleh itu, perbelanjaan ke atas barangan bersifat 'up-to-date' yang tidak dikawal akan menyebabkan kebocoran peruntukan yang telah disediakan.

## iii. Survival

Survival merupakan nilai yang penting dan perlu diberi perhatian apabila menetap di bandar. Ini kerana, di bandar yang kebanyakannya dihuni oleh perantau yang ingin memperbaiki kehidupan. Maka, golongan ini perlu berdikari disebabkan tiadanya kenalan. mereka perlu lebih berdikari. Maka, bagi menjamin kelangsungan hidup, warga bandar perlu mendahulukan keperluan yang lebih penting dan menangguhkan kemahuan agar dapat meneruskan kehidupan dengan lebih sejahtera.

Berdasarkan perbincangan, nilai-nilai budaya bandar ini diketengahkan kerana dipercayai wujudnya perkaitan dengan perbelanjaan dan tahap kecukupan. Selari dengan kawasan kajian iaitu Kuala Lumpur, nilai budaya bandar dalam konteks perbelanjaan ini perlu dikaji kerana, kos sara hidup yang tinggi amat menekan ahli masyarakatnya. Kenyataan mengenai desakan dan tekanan hidup di bandar seperti yang telah diketengahkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2015), Bank Negara Malaysia (2018), Mohd Aqmin Abdul Wahab et al. (2018), Institut Kajian Khazanah (2018) dan Noorhaslinda Kulub Abd Rashid et al. (2018). Dapatan-dapatan kajian tersebut berkisarkan tentang pola perbelanjaan yang diakibatkan oleh ketidakcukupan kewangan, kadar keberhutangan yang tinggi, serta keperluan tambahan yang perlu diperuntukkan (antaranya kos tol, bahan api, parkir, dan lain-lain).

Hasil-hasil dapatan ini memperlihatkan bahawa, untuk menjamin kelangsungan hidup di bandar, belia perlu mempunyai nilai berjimat agar dapat memenuhi keperluan yang pelbagai. Di samping itu, tekanan-tekanan yang dirasakan untuk meneruskan hidup di bandar juga memerlukan nilai survival yang tinggi agar mampu menangani halangan tersebut. Di samping tekanan dari aspek kewangan, golongan bandar juga berhadapan dengan tekanan dari aspek lambakan produk material yang terhasil daripada capaian arus modenisasi dan globalisasi yang sangat pantas. Maka, tekanan-tekanan inilah yang menjadi penentu kepada sejauh mana mereka mengamalkan nilai mengikuti perkembangan semasa.

## 3.2 Aspek sosial

Bagi aspek sosial pula, perhubungan dan keterlibatan dalam kelompok masyarakat tertentu merupakan penentu pola perbelanjaan yang bakal dilakukan. Setelah dikenalpasti, konstruk keterlibatan sosial yang diketengahkan adalah (1) kumpulan rujukan dan (2) peranan sosial. Bagi konstruk 'kumpulan rujukan', konstruk ini dibangkitkan kerana didapati bahawa kumpulan rujukan yang dianggotai akan turut membantu mencorakkan perbelanjaan. Selain itu, perbelanjaan juga akan lebih terarah untuk memenuhi identiti yang dibawa oleh kumpulan rujukan tersebut. Dapatan ini dilihat berpadanan dengan pengkaji terdahulu antaranya seperti Hoyer et al. (2010), Abdul Rahman Embong (2011), dan Martin dan Bush (2013). Pengkaji-pengkaji ini melihat pengaruh-pengaruh dari kumpulan rujukan seperti rakan-rakan sekerja, keluarga, dan juga kumpulan-kumpulan sosial. Kajian-kajian yang dilakukan mendapati terdapat pengaruh kumpulan rujukan ke atas perbelanjaan.

Bagi konstruk 'keterlibatan sosial' pula, informan menyatakan bahawa peranan yang perlu digalas dalam keterlibatan bersama ahli masyarakat akan menentukan jenis perbelanjaan yang bersesuaian.



Identiti yang dibawa sedikit-sebanyak akan mempengaruhi pemilihan jenis barangan yang perlu digunakan apabila menjalankan aktiviti bersama ahli Masyarakat. Dapatan ini juga bertepatan dengan penemuan melalui kajian oleh Penmann dan McNeil (2008), Abdul Rahman Embong (2011), Kulik, Shilo-Levin dan Liberman (2015), dan Dasimah Omar et al. (2016). Kajian-kajian tersebut menemukan kesan peranan yang dipegang ke atas perbelanjaan. Peranan-peranan tersebut seperti di dalam keluarga, komuniti masyarakat, organisasi tertentu, dan juga kumpulan-kumpulan sosial.

#### 4. Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, perbelanjaan merupakan isu penting yang perlu diberi perhatian oleh pelbagai pihak baik pembuat dasar, penyelidik, mahupun orang awam. Hal ini demikian kerana, perancangan perbelanjaan yang kurang teliti akan memberikan implikasi kepada kewangan individu itu sendiri yang boleh mengakibatkan terjerumus dalam kebangkrapan. Walaupun perbelanjaan yang dibuat setiap hari adalah demi memenuhi keperluan dan sebahagian kehendak namun, aspek yang menggerakkan perbelanjaan hingga bercorak sedemikian antaranya seperti faktor budaya dan sosial perlulah dikaji dan diketengahkan. Dengan mengawal aspek yang dijangka akan mempengaruhi corak perbelanjaan maka, perbelanjaan akan menjadi lebih teratur dan jenis keperluan yang pelbagai dapat dipenuhi seterusnya kelangsungan hidup dapat dicapai lebih-lebih lagi di zaman globalisasi yang mencabar ini.

#### 5. Rujukan

- Abdul Rahman Embong. (2011). Pemandaran dan kehidupan bandar di semenanjung Malaysia. *Akademika*, 81(2), 23-39.
- Ando, A., & Modigliani, F. (1963). The "life cycle" hypothesis of saving: aggregate implications and tests. *The American Economic Review*, 53(1), 55-84.
- Arnould, E. J., & Thompson, C. J. (2018). *Consumer Culture Theory*. London: SAGE Publication Ltd.
- Askegaard, S. (2015). Consumer Culture Theory (CCT). In D. T. Cook, & J. M. Ryan, Eds. *The Wiley Blackwell Encyclopedia of Consumption and Consumer Studies*. Doi:10.1002/978111898463.wbeccs54.
- Bazeley, P. 2007. *Qualitative data analysis with NVivo*. London: Sage Publications Ltd.
- Chu, R., Liu, M. G., & Shi, J. (2015). How rural-urban identification influences consumption patterns? Evidence from Chinese migrant workers. *Asia Pacific Journal of Marketing and Logistics*, 27(1), 40-60.
- Dasimah Omar, Kamarul Ariff Omar, Saberi Othman, & Zaharah Mohd Yusoff. (2016). Youth Participation in Urban Neighbourhood Community Dasimah. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 309-316.
- Duesenberry, J. (1949). *Income, saving and the theory of consumer behavior*. Cambridge: Harvard University Press.
- Fidlizan Muhammad, Azila Abdul Razak, Mohd Yahya Mohd Hussin, & Fatimah Salwa Abdul Hadi (2015). Kehidupan kelas menengah Malaysia: satu kajian kes mengenai corak perbelanjaan guru dalam pemilikan asset dan pelaburan kewangan. *Malaysian Journal of Society and Space*, 11(11), 1-13.
- Firat, A., Kutucuoglu, K.Y., Arikan Saltik, I. & Tuncel, O. (2013). Consumption, consumer, culture, and consumer society. *Journal of Community Positive Practices*, 13(1), 182-203.
- Friedman, M. (1957). The permanent income hypothesis. In M. Friedman, *A Theory of the consumption function* (pp. 20-37). New Jersey, U.S.A: Princeton University Press.

- Hoyer, W.D., & MacInnis, D.J. (2010). *Consumer behavior*. Mason, OH: South-Western Cengage Learning.
- Institut Kajian Khazanah. (2018). *The state of household 2018 : different realities*. Kuala Lumpur, Malaysia: Institut Kajian Khazanah. Retrieved from [http://www.krinstitute.org/assets/contentMS/img/template/editor/FullReport\\_KR\\_I\\_SOH\\_2018.pdf](http://www.krinstitute.org/assets/contentMS/img/template/editor/FullReport_KR_I_SOH_2018.pdf)
- Ishak Shari. (1983). Perubahan dalam corak perbelanjaan pengguna di semenanjung Malaysia, 1957-1973. *Akademika*(22), 83-113.
- Joyce, K. H., & Nga, L. H. (2011). The influence of image consciousness, materialism and compulsive spending on credit card usage intentions among. *Young Consumers*, 12(3), 243-253.
- Kartini Aboo Talib @ Khalid & Nazrin Zaida (2017) Etnisiti dan konsumerisme di Malaysia. Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi, Selangor.
- Kotler, P., & Armstrong, G. (2007). *Principle of marketing*. New Jersey: Prentice Hall.
- Kulik, L. Shilo-Levin, S., & Liberman, G. (2015). Multiple roles, role conflict, and sense of meaning in life among working parents. *Journal of Career Development*, 42(4), 263-280.
- Malaysia, Bank Negara & Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA). (2017, April). Cabaran kewangan isi rumah miskin bandar. *Ringgit*.
- Malaysia, Bank Negara. (2013). *Langkah untuk terus menggalakkan sektor isi rumah yang kukuh dan mampan*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia. Retrieved from [http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=bn\\_press&pg=bn\\_press&ac=2747&lang=bn](http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=bn_press&pg=bn_press&ac=2747&lang=bn).
- Malaysia, Bank Negara. (2018). *Laporan tahunan 2017*. Retrieved from [https://www.bnm.gov.my/index.php?ch=en\\_publication&pg=en\\_ar&ac=40&en](https://www.bnm.gov.my/index.php?ch=en_publication&pg=en_ar&ac=40&en)
- Malaysia, Jabatan Perangkaan. (2015a). *Laporan penyiasatan pendapatan isi rumah dan kemudahan asas 2014*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Malaysia, Jabatan Perangkaan. (2017). *Laporan penyiasatan perbelanjaan isi rumah 2016*. Retrieved from [www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=V3R4SHBmeUhdUWIETjZUbXdWbXB2dz09](http://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=V3R4SHBmeUhdUWIETjZUbXdWbXB2dz09)
- Martins, J. M., Yusuf, F., & Swanson, D. A. (2012). *Consumer demographics and behaviour*. Springer. doi:10.1007/978-94-007-1855-5.
- Maznah Wan Omar & Zaliha Hj Hussin. (2009). Decision orientation towards shopping and buying among young-adult Malay in the universities. *International Journal of Business and Management*, 4(7), 26-30.
- Mohd Aqmin Abdul Wahab, Hazrul Izuan Shahiri, Mustazar Mansur, & Mohd Azlan Shah Zaidi. (2018). Kos sara hidup tinggi di Malaysia: Pertumbuhan pendapatan isi rumah yang perlahan atau taraf hidup yang meningkat? *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 52(1), 125-139.
- Munhall, L.P. 2011. *Nursing research: A qualitative perspective*. London: Jones and Bartlett Co.
- Naiman Mohd Salleh, Syuhaily Osman, Mumtazah Othman, & Normaziah Ulkifli. (2010). Pola perbelanjaan awal musim persekolahan. *Jurnal Pengguna Malaysia*, 15, 32-49.
- Noorhaslinda Kulub Abd Rashid, Nor Fatimah Che Sulaiman, & Nur Afifah Rahizal. (2018). Survivability through basic needs consumption among Muslim households B40, M40, and T20 Income Groups. *Pertanika*, 26 (2), 985-998.
- Nor Aini Idris, Norlida Hanim Mohd Salleh, & Mohd Ali Mohd Noor. (2018). Faktor penentu perbelanjaan kesihatan di kalangan golongan bekerja. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VI (PERKEM)* (pp. 124-130). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Retrieved from <http://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkemVI/PERKEM2011-2-4B6.pdf>
- Nor Dina Abdullah, Laily Paim, & Husniyah Abd Rahim. (2010). Masalah kewangan dalam kalangan keluarga berpendapatan rendah di semenanjung Malaysia. *Jurnal Pengguna Malaysia*, 15, 18-31.

- Penmann, S. & McNeil, L. S. (2008). Spending their way to adulthood : consumption outside the nest. *Young Consumer*, 9(3), 155-169.
- Rokeach, M. (1973). *The nature of human value*. New York: Free Press.
- Schiffman, L., Hansen H., & Kanuk, L. (2007). *Consumer behaviour : An European Outlook*. London: Pearson Education.
- Shwartz, S. (194). Are there universal aspects in the structure and contents of human values? *Journal of Social Issues*, 4, 19-45.
- Solomon, M. R. (1996). *consumer behavior (3rd ed.)*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall, Inc
- Sproles, G. B. (1985). Forum perfectionism a faadism: measuring consumer's decision-making styles. *American Council on Consumer Interest*, (pp.79-85).
- Zukin, S. (1998). Urban lifestyles : Diversity and standardisation in spaces of consumption. *Urban Studies*, 35(5/6), 825-839.
- Zuroni Md Jusoh, Elistina Abu Bakar, Askiah Jamaluddin & Bukryman Sabri. (2010). Sikap dan amalan perbelanjaan pengguna dalam musim perayaan. *Jurnal Pengguna Malaysia*, 15, 88-97.